



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN

PEGUAM NEGARA MALAYSIA

JABATAN PEGUAM NEGARA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

&

JASAMU DIKENANG

JABATAN PEGUAM NEGARA

TAHUN 2023

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

MASA : 9.45 PAGI

**TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSUF,
JABATAN PEGUAM NEGARA, PUTRAJAYA**



Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh,

Peguam Cara Negara,

YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar,

Peguam Cara Negara II,

YBhg. Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar,

Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa,

merangkap Pengerusi bagi Jawatankuasa Majlis Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang dan Jasamu Dikenang Jabatan Peguam Negara Tahun 2023,

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan Ketua-Ketua Bahagian, Timbalan-
Timbalan Ketua Bahagian;

YB Penasihat Undang-Undang Negeri;

Pengarah-Pengarah Pendakwa Raya Negeri;

Para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022;

Para Pesara dan Bakal Pesara yang diraikan;

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati
sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapatlah kita bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Jabatan Peguam Negara Tahun 2023.

2. Saya amat berbesar hati untuk merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Jabatan Peguam Negara Tahun 2023 yang gilang-gemilang pada hari ini kerana ia merupakan Majlis terakhir yang saya dihadiri sebagai Peguam Negara, dan saya percaya akan menjadi hari yang amat bermakna bagi saya.

3. Di kesempatan ini jua, saya menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan seluruh anggota jawatankuasa daripada Bahagian-bahagian lain yang terlibat atas segala komitmen, usaha dan tenaga dalam menjayakan Majlis pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang pada tahun ini sangat indah dengan latar belakang pentas yang bertemakan “musim luruh”. Sebagaimana yang kita ketahui, musim luruh begitu sinonim dengan kehangatan warna merah, jingga dan kuning yang terhasil daripada pepohonan dan dedaunan yang bertukar warna sepanjang musim ini.

5. Saya ingin memetik kata-kata seorang penulis bernama Dan Delia Owens dalam bukunya bertajuk “*Where The Crawdads Sing*” yang menyebut “*Autumn leaves don’t fall, they fly. They take their time and wander on this their only chance to soar.*”. Justeru itu, ibarat musim luruh, walaupun kita menempuh pelbagai dugaan dan perubahan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, kita tidak harus gugur seperti pepohonan dan dedaunan pada musim luruh.

Sebaliknya, kita perlu membangkitkan semangat diri dan mengambil pengajaran daripada kesilapan kita supaya dapat terus membangun dan membina potensi diri yang luar biasa. Kita perlu berani berhadapan untuk meneroka, melakukan penjajaran dan penyesuaian cara kerja serta adaptasi dengan perubahan persekitaran, iaitu melalui penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran, pemikiran kreatif dan inovatif, dan pengamalan profesionalisme dalam menunaikan tanggungjawab selaku penjawat awam.

6. Dalam konteks semasa, seperti yang kita sedia maklum, sejak awal tahun 2020 dan sehingga kini, kita masih dibelenggu dengan cabaran pandemik COVID-19 dan turut menyaksikan cabaran ketidakstabilan politik. Meskipun menghadapi cabaran proses pembubaran Parlimen dan peralihan Kerajaan, saya amat berbangga dengan warga Jabatan Peguam Negara yang sentiasa komited, cekap dan berdedikasi dalam menyempurnakan tugas-tugas yang diamanahkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas.

Hadirin sekalian,

7. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Majlis ini diadakan untuk meraikan, mengiktiraf dan memberikan penghargaan kepada warga Jabatan Peguam Negara yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2022. Seramai **145** warga Jabatan Peguam Negara daripada pelbagai gred, sama ada yang bertugas di ibu pejabat mahupun di cawangan negeri-negeri telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Manakala, seramai **290** warga Jabatan Peguam Negara pula telah dipilih sebagai penerima Surat Penghargaan.

8. Para penerima APC dan Surat Penghargaan ini bukan sahaja memperoleh markah penilaian yang tinggi, malah memiliki etika kerja yang cemerlang dan keperibadian yang terpuji. Oleh itu, penganjuran Majlis ini amatlah bermakna untuk meraikan dan menghargai komitmen serta dedikasi tuan/puan semua. Sesungguhnya anda adalah yang terbaik antara yang terbaik. Syabas dan tahniah saya ucapkan!

9. Besarlah harapan saya agar prestasi cemerlang tuan/puan dapat menjadi contoh, menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga Jabatan Peguam Negara yang lain untuk bersama-sama

memberikan khidmat yang cemerlang dalam memastikan perkhidmatan perundangan khususnya kekal mampan.

Hadirin sekalian,

10. Pada hari ini juga, kita akan bersama-sama meraikan seramai **15** warga Jabatan Peguam Negara yang telah dan akan bersara wajib atau pilihan pada tahun 2023 termasuklah YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar, Peguam Cara Negara II.

11. Saya percaya, sepanjang tempoh perkhidmatan, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan telah melalui pelbagai pengalaman manis dan pahit dan mengharungi segala cabaran dan dugaan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai penjawat awam di Jabatan Peguam Negara. Bagi pihak seluruh warga Jabatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pesara yang telah begitu banyak berjasa serta menabur bakti dengan penuh taat setia, dedikasi dan amanah dalam merealisasikan visi dan misi Jabatan Peguam Negara.

12. Saya yakin, pengalaman serta pengetahuan yang ditimba dan dikecap oleh YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan harus dijadikan panduan dan sempadan kepada warga Jabatan ini yang masih lagi berkhidmat supaya mereka dapat bekerja dan menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisien dalam menghadapi cabaran dan rintangan dalam perkhidmatan. Maka, diharapkan segala legasi yang ditinggalkan dan diamanahkan kepada generasi baharu akan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya!

13. Persaraan daripada perkhidmatan awam merupakan fitrah perjalanan hidup yang sememangnya perlu ditempuhi dalam merentasi arus masa. Namun persaraan bukanlah satu noktah. Sebaliknya, ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baharu dalam kitaran hidup seorang penjawat awam, bak kata pepatah Inggeris "*Retirement is a blank sheet of paper. It is a chance to redesign your life into something new and different.*".

14. Saya pasti YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan telah pun mempunyai perancangan dan persediaan tersendiri bagi menjalani fasa kehidupan ini. Saya percaya inilah masanya untuk kita melaksanakan apa jua keinginan dan impian yang masih belum terlaksana atau yang masih belum sempat terlaksana. Persaraan juga memberi ruang dan masa lapang yang boleh digunakan untuk mencuba hobi baharu, meneruskan minat lama yang

terpendam atau menceburi bidang baru. Walau apa pun perancangan, saya yakin YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan akan meluangkan detik-detik persaraan dengan penuh bermakna. Selamat bersara dan kami mendoakan agar YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sentiasa dikurniakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik. *Kick back and enjoy - You don't have to punch a clock anymore! Happy retirement!.*

Hadirin sekalian,

15. Meskipun menghadapi cabaran pemulihan wabak COVID-19 dan peralihan kerajaan, Jabatan Peguam Negara secara amnya telah berjaya mengekalkan kecemerlangan daripada aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan dalam sektor perundangan. Pencapaian ini tidak akan terhasil tanpa komitmen dan kerjasama semua pegawai dan kakitangan termasuk pesara yang kita raikan pada hari ini.

16. Secara realitinya, amanah yang kita galas sebagai penjawat awam amatlah besar. Justeru, dalam melaksanakan tugas awam, kita tidak harus sama sekali terlibat dengan sebarang aktiviti rasuah dan aktiviti-aktiviti tidak bermoral.

17. Sehubungan dengan itu, nilai-nilai bersama Jabatan Peguam Negara yang dibentuk daripada akronim A.G.C. iaitu Amanah, Gigih dan Cemerlang seperti mana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara 2021-2025 haruslah dipegang sebagai prinsip sosial dalam mencapai misi, visi dan slogan Jabatan ini. Nilai-nilai bersama ini perlu dikongsi oleh semua warga Jabatan Peguam Negara dan amat penting untuk membina sebuah organisasi yang berdaya tahan dan bersepadu bagi memastikan kejayaan sistem penyampaian yang berkesan dan pada masa yang sama menjadi sebuah organisasi yang disegani di Malaysia dan juga pada peringkat antarabangsa.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, suka saya ingatkan sekali lagi bahawa dalam setiap organisasi, kerjasama dan semangat berpasukan adalah penting bagi membangunkan organisasi tersebut. Justeru, kerjasama dan kolaborasi antara Bahagian di Jabatan Peguam Negara perlu diteruskan. Saya ingin melihat warga Jabatan Peguam Negara meningkatkan lagi semangat "*esprit de corps*" sesama kita kerana kita mempunyai tujuan yang sama iaitu mendukung visi dan misi Jabatan dalam menegakkan keadilan. Marilah kita bersama-sama memperbaharui tekad dan semangat dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi

memastikan Jabatan ini akan terus kekal relevan dengan persekitaran semasa dan mampu menambah baik persepsi serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap Institusi Perundangan khususnya Jabatan Peguam Negara.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan kalimah Wabillahi taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.